

Kadar inflasi meningkat hampir seluruh dunia

Rakyat Malaysia di Turkiye turut terkesan dengan peningkatan harga makanan

Istanbul: Kenaikan kadar inflasi dan harga barang keperluan asas bukan saja dirasakan di Malaysia, tetapi hampir di seluruh dunia.

Terdapat negara yang menghadapi kadar inflasi lebih tinggi akibat peningkatan permintaan barang dan perkhidmatan secara mendadak sejak ekonomi dibuka semula, antaranya Turkiye yang

mencatat kenaikan harga barang makanan hampir setiap minggu.

Pada pertemuan dengan rakyat Malaysia di Turkiye kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan kadar inflasi di Turkiye sudah mencecah 78 peratus, iaitu yang tertinggi dalam tempoh 24 tahun, berbanding Malaysia 2.8 peratus.

Ismail Sabri, yang tiba pada Selasa untuk lawatan rasmi empat hari ke republik itu berkata, yang membezakan Malaysia dengan kebanyakan negara lain ialah kadar subsidi diberikan kerajaan kini mencecah lebih RM77.7 bilion.

Rakyat Malaysia yang menetap atau belajar di Turkiye, mengakui amat terkesan dengan peningkatan kadar inflasi di repub-



Ismail Sabri disambut Menteri Pertahanan Turkiye, J E Hulusi Akar ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Eseboga, Ankara, semalam. (Gambar ihsan PMO)

lik itu apabila pengangkutan, harga makanan dan kelengkapan isi rumah mencatatkan kenaikan paling ketara, dengan kos pengangkutan meningkat dua kali ganda sepanjang tahun ini.

Pelajar universiti, Muhammad Hafiz Ali, berkata harga barang makanan dan kemudahan lain seperti tambang penerbangan meningkat dengan mendadak akibat kadar inflasi yang tinggi.

“Apa yang kami alami sangat teruk, inflasi yang naik secara mendadak. Kalau naik kapal terbang pun 1,800 lira, kalau dahulu 799 lira sudah lepas. Sekarang boleh cecah 2,020 lira dan tambang bas dulu 200 hingga 300 lira tapi sekarang boleh sampai 900

lira,” tambah beliau yang belajar di sebuah bandar di sempadan Turkiye-Armenia.

Bagi Nurbalqis Abdul Rashid pula, cabaran paling besar ialah sewa rumah dinaikkan daripada 1,100 lira kepada 2,500 lira.

“Beza yang sangat jauh dan apabila kami cari rumah sewa baharu, rumah paling teruk pun dalam 4,000 lira sebulan. Kebanyakan mereka tidak mahu warga asing. Harga barangan meningkat setiap minggu, terutama harga makanan,” katanya.

Menurut Dr Muhammad Farhan Ahmat Murtza, keadaan ini memaksa penduduk Turkiye untuk menghasilkan lebih banyak produk tempatan bagi menam-

pong keperluan dalam menghadapi kenaikan inflasi yang tinggi.

“Di Turkiye mereka lebih mengutamakan barang dari negara mereka sendiri, berbanding dari negara luar. Dari sudut itu mereka boleh meningkatkan produktiviti, berbanding bergantung kepada negara luar,” tambah beliau.

Mata wang Turkiye kehilangan separuh nilainya berbanding dolar dalam tempoh 12 bulan lalu yang mendorong kenaikan harga barang import.

Ketika ini terdapat lebih 500 rakyat Malaysia menetap di Turkiye, dengan 200 daripadanya adalah penuntut di pelbagai universiti. BERNAMA